

SURAT DARIPADA TUAN HAJI MOHD YUSOF BIN AHMAD

Linggi,
Negeri Sembilan.

24hb. September, 1975.

Anakanda Encik Zaharin bin Hj. Maulud
dengan beberapa selamatnya.

Surat anakanda yang panjang 5 1/2 muka bertarikh 17.9.1975 telah selamat ayahanda terima. Ayahanda mengucapkan terima kasih kepada anakanda sudi memberi fikiran anakanda yang ikhlas untuk renungan ayahanda.

Ayahanda bersetuju dengan pandangan anakanda di atas kewajipan kita bersama mencari dan menggunakan segala ikhtiar untuk membaiki masyarakat Linggi yang telah lama pincang, tempang dan terpelecek-pelecek lenggang perjalanannya disebabkan oleh tidak ada ikhlas, oleh tamak, hasad dengki dan takbur bukannya sahaja dalam masaalah Datok Muda Linggi tetapi juga dalam hal-hal lain berkenaan dengan kohidupan mereka sehari-hari yang lebai mementingkan lebainya, ulama lain semua salah dan sesat, dia sahaja yang betul, yang berpencen megahkan pencennya dan motorcar anak-anaknya, yang keturunan Datok Muda megahkan keturunannya seolah-olah semua orang lain rendah dan hina belaka. Sesuatu bangsa atau negara atau kaum atau pun kampung itu akan jatuh apabila ramai ahlinya yang mempunyai sifat-sifat seperti di atas itu.

Ayahanda seorang sahabat yang baik kepada Allah Yarham kekanda Datok Muda Hassan. Ayahanda ada bersama-sama di Balai Undang masa ia dilantik dan dari Linggi ini ayahanda seorang yang telah pergi menemuinya pada malam lepas ia dilantik itu di Pengkalan Durian. Ia guru kepada sahabat karib ayahanda yang sama-sama belajar di Malay College, Kuala Kangsar, ia itu Allah Yarham Datok Sedia Raja Abdullah, Undang Luak Rembau, Usaha dan jasa Allah Yarham kekanda Hassan menimbulkan balik jawatan Datok Muda Linggi yang telah tenggelam patut dipuji dan dikenang. Niatnya baik tetapi sebagai manusia biasa ia tidak menyangka yang adat berperut-perut yang dibentuknya bersama-sama Datok Kelana Maamor itu akhirnya menguntungkan hanya bilangan yang kecil dan mengenepikan hak-hak bilangan yang berganda-ganda lebih ramai.

Ayahanda percaya bahawa anakanda akan bersetuju dengan ayahanda bila ayahanda katakan bahawa tiap-tiap yang baharu itu mestilah berubah-ubah dan yang kekal selama-lamanya ialah ALLAH TUHAN kita yang menjadikan sekalian alam. Jika bentuk pantai, teluk, tanjung, gunung, pulau dan jika manusia dan fikiran manusia dari suatu masa kesuatu masa berubah maka seperti yang telah kita saksikan dari tawarikh dunia bahawa cara pemerentahan sesuatu negara, sempadan sesuatu negeri atau negara, cara hidup, pekerjaan dan masyarakat sesuatu bangsa itu sentiasa berubah-ubah maka tidaklah pelik kepada kita apabila adat Linggi yang tidak berperut-perut dahulu berubah kepada adat berperut-perut dan kemudian apabila sampai masanya berubah pula kepada adat pilihan ramai atau pilihan raya. Ada kalanya perubahan itu mengambil masa yang lama seperti pada zaman sebelum ada jentera, science dan technology, tetapi sekarang ini perubahan itu datangnya bertimpa-timpa dengan lekasnya. Tidaklah pelik jika pada suatu masa raja dalam sesuatu tempat atau negeri berkuasa penuh di atas raayatnya, kemudian berubah menjadi raja yang berpelembagaan tunduk kepada pasihat dan fikiran Kerajaan yang dipilih oleh raayat, dan kadangkala negeri itu seperti Turkey, Masir dan beberapa banyak yang lain langsung menjadi Republic dan Ketua Negaranya dipilih oleh ramai atau oleh raayat sahaja.

Jika dalam tahun 1959 hanya ada 30 - 40 orang termasuk Allah Yarham Tan Seri Za'ba dan Tan Seri Lokman yang tidak bersetuju dengan adat berperut-perut di Linggi maka dalam tahun 1974 bilangan itu telah bertambah kepada hampir 300 orang berhimpun di Sekolah Menengah Linggi mendesak dan menghendaki perubahan atas perubahan yang dibuat dalam tahun 1932. Masa telah menyaksikan dengan terang akan ketidak puasan hati waris-waris Linggi dari keturunan Datok Awaluddin dan Tok Srilah, apabila Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan yang dipilih oleh raayat memerintahkan diadakan Pilihan raya Datok Muda Linggi ini, maka bilangan 30-40 orang dalam tahun 1959 dan hampir-hampir 300 orang dalam tahun 1974 telah menjadi lebih 800 orang dalam tahun 1975 ini. Mereka ini mahukan perubahan dan tabiat semula jadi tiap-tiap yang baharu itu mestilah berubah dan ayahanda percaya perubahan yang baharu ini ada lebih adil kepada sekalian anak cucu Datok Awaluddin dan Tok Srilah termasuk anakanda dan sekalian penyokong-penyokong anakanda.

Mereka yang berkehendakan perubahan untuk keadilan ini tidaklah pernah berniat hendak mengeneipkan hak kewarisan anakanda dan penyokong-penyokong anakanda seperti bagaimana Adat Berperut itu telah mengeneipkan mereka.

Semasa Malaya hendak merdeka baharu ditubuhkan, mengikut Perlembagaan, Negeri Sembilan, Dewan Keadilan dan Undang. Dalam pengalaman ayahanda semasa ayahanda tiga kali dilantik oleh Dewan Keadilan dan Undang ini menjadi seorang dari ahli-ahli Jawatankuasa (sekali masa menyiasat pertelengkahan Adat di Jelebu yang telah menjadikan tidak ada Datok Jelebu ganti Datok Shahmaruddin selama 3 tahun. Sekali masa seorang Datok Lembaga di Johol hendak memecat Datok Tan Mas yang sekarang ini jadi Datok Johol, dan sekali lagi masa jadi pertelengkahan perut dibawah perentahan Tunku Besar Tampin). Ayahanda apa yang tidak dapat diselesaikan dalam Luak oleh Undang, dan didalam Wilayah oleh Tengku Besar Tampin, maka hal itu dibawa kedalam Majlis Dewan Keadilan dan Undang. Dewan Keadilan dan Undang melantik Jawatankuasa untuk menyiasat dan menyebarkan laporan dan recommendations, dan recommendations itu diterima, disahkan dan dijalankan oleh Dewan Keadilan dan Undang.

Tidaklah berfaedah jika ada orang mengatakan yang pertelengkahan Adat Linggi itu kecil sahaja dan dipengaruhi oleh Tan Seri (Dr.) Mohd. Said sahaja. Orang yang tidak bersetuju diubah dan ditamatkan Adat Berperut-perut itu banyak terpengaruh oleh peribadi perseorangan Tan Seri (Dr.) Mohd. Said yang tidak secucuk dengan peribadi mereka, pada hal jika ditanggalkan perselisihan peribadi itu dan disiasat dengan ikhlas akan masalaah Adat yang telah kusut oleh tamak Datok Besar Mohd. Bakir dahulu, dan jika masa ini mahu mencari perdamaian dengan ikhlas dan dengan tidak kerana kepentingan diri, maka keputusan yang telah diambil oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan itulah sebaik-baik jalan supaya

- a) Jawatan Datok Muda itu tidak tenggelam sekali lagi, dan
- b) Cara memilih dan mengganti Datok Muda itu apabila mati pada masa yang akan datang tidaklah akan tergalang-galang lagi oleh sebarang Datok Besar Linggi. Suara ramai akan menuntutnya, dan sekali lagi orang Linggi mengambil record sebagai pioner dalam memilih Datok mereka dengan cara PILIHAN RAYA BETUL-BETULmereka sendiri akan menentukan Adat dan Datok mereka seperti sebelum Inggeris campur tangan di Negeri Sembilan dahulu. Sungguh pun zaman itu belum ada pilihan rayanya.

Saorang pemuda waris Linggi yang sekarang menuntut di Universiti Malaya sedang membuat kajian berkenaan dengan Political History of Linggi. Banyak rahsia-rahsia Inggeris menjalankan jarum "pecah dan perintahnya" di Negeri Sembilan telah dapat dibongkarkannya dari Arkib Negara (National Archives) di Petaling Jaya.

Apa yang direbut-rebutkan dan ditamak-tamakkan oleh orang-orang yang telah hilang tujuan oleh jarum Penjajahan Inggeris itu ialah tulang-tulang dan remah-remah yang gugur dari meja makan Inggeris yang telah berhari raya menghisap lemak negeri kita gaduhkan pencen waris yang \$1.00 atau 50 sen, berebutkan pangkat Datok yang pencen \$13.00 atau seumpamanya dan dengan sebab itu muafakat dan perpaduan untuk membena dan mencapai kejayaan masyarakat dunia dan akhirat yang sebenar-benar memberi erti dibiarkan hanyut entah kemana.

Apa yang ayahanda tulis di atas itu ialah fikiran dan pandangan ayahanda. Ayahanda tidak hendak mempengaruhi fikiran sesiapa pun lebih-lebih lagi fikiran anakanda. Yang kita kehendaki sekarang ialah sama-sama mencari dan mengeluarkan fikiran dengan ikhlas, bukan untuk berbahath atau untuk mencari menang, tetapi ialah untuk mencari yang benar yang seperti kata anakanda boleh meyakinkan orang yang mencari kebenaran.

Ayahanda sudahi dengan salam dan ingatan ikhlas dari ayahanda.

Yang benar,

Tanda Tangan.

Muhammad Yusof.

(Haji Muhammad Yusof bin Ahmad).